

17 OCT 1998

Cuepacs-Bonus

CUEPACS AKAN MERAYU MINTA BONUS TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan mengemukakan rayuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mempertimbangkan pemberian bonus kepada kakitangan awam tahun ini.

"CUEPACS akan membuat rayuan kepada Perdana Menteri sekali lagi supaya mempertimbangkan pemberian bonus tahun ini, "kata Presidennya, Abdul Aziz Mohd Sultan kepada pemberita di Wisma CUEPACS di sini, hari ini.

Rabu lepas, Dr Mahathir berkata agak sukar bagi kerajaan membayar bonus kepada kakitangan awam tahun ini memandangkan kedudukan ekonomi negara sekarang.

Abdul Aziz berkata CUEPACS faham akan kedudukan ekonomi dan kewangan negara yang dilanda kegawatan tetapi beliau berkata pihak pekerja terpaksa juga membuat rayuan itu kerana beberapa sebab.

Antara sebab itu, beliau berkata berkenaan kenaikan harga barang-barang keperluan secara mendadak dan tidak munasabah semenjak 1997 yang telah membebankan pekerja.

Katanya, anggota sektor awam mengharapkan pemberian bonus kerana jangkakan bebanan kewangan yang terpaksa ditanggung oleh pekerja bagi menampung persekolahan anak-anak pada awal tahun 1999.

Pihak pekerja kata Aziz juga menanggung tekanan kewangan kerana bayaran elaun lebih masa, perjalanan dan lain-lain yang telah dikurangkan akibat kekurangan pendapatan bulanan.

Katanya, permintaan bonus itu adalah wajar tambahan lagi CUEPACS telah menangguhkan semua tuntutan kepada kerajaan sejak 1996 sebagai satu daripada pengorbanannya untuk membantu menangani kegawatan ekonomi.

"CUEPACS telah menangguhkan tuntutan kepada kerajaan berkenaan kadar baru pencen, semakan gaji dan imbuhan tetap perumahan," kata Aziz.

Walaupun keuntungan secara kewangan tidak dapat dilihat melalui perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan awam tetapi kelicinan jentera pentadbiran kerajaan boleh menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara yang secara tidak langsung membawa faedah kepada semua, katanya.

CUEPACS terdiri daripada gabungan 103 buah kesatuan dengan jumlah anggota seramai 250,000 orang.

Aziz juga mengumumkan Konvensyen CUEPACS Ke-21 (Sesi 1998-2001) akan diadakan pada 2 hingga 4 Dis ini di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras.

-- BERNAMA

MHI RHM